

# MAJLIS PELANCARAN SATU ANGGOTA SATU RUMAH (SASaR) SATRIA RESIDENSI

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3313-majlis-pelancaran-satu-anggota-satu-rumah-sasar-satria-residensi](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3313-majlis-pelancaran-satu-anggota-satu-rumah-sasar-satria-residensi)

KUALA LUMPUR, 11 Apr 18 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menyempurnakan pelancaran projek pembinaan di bawah Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) yang julung-julung kalinya diwujudkan kepada warga ATM dan awam Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Program SASaR ini merupakan salah satu agenda di dalam *Blueprint* Perumahan yang dilancarkan oleh YB Menteri Pertahanan baru-baru ini bagi memastikan anggota dan warga awam MINDEF memiliki rumah sendiri sebelum mereka menamatkan perkhidmatan serta memberi peluang kepada veteran ATM memiliki rumah sendiri pada harga mampu milik sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka.

Sebagai permulaan, lebih 3,500 unit rumah mampu milik akan dibina di Sungai Besi (SATRIA Residensi) dimana daripada jumlah tersebut 1,800 unit akan diperuntukkan kepada Tentera Darat, 600 unit untuk TLDM, 600 unit untuk TUDM dan 500 unit untuk warga awam MINDEF.

Spesifikasi keluasan rumah yang bakal dibina ialah seluas 1000 kaki persegi hingga 1200 kaki persegi dengan harga antara RM150,000 hingga RM250,000 seunit. Kompleks kediaman ini juga bakal dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur asas termasuk dewan serbaguna, tadika, masjid, klinik kesihatan dan kompleks sukan.

MINDEF juga berhasrat untuk membina lebih 25,000 unit rumah di bawah program SASaR ini di 13 lokasi di 10 buah negeri sehingga tahun 2030.

Majlis yang diadakan di Kem Transmitter, Sungai Besi turut dihadiri oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Datuk Seri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Dr Loga Bala Mohan; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor serta Panglima-panglima Perkhidmatan.



